



## **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **SESI MAKLUMBALAS RAKYAT KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021 – 2025 DAN SKUAD UNITI RT CARES**

---

14 November 2021, Bentong, Pahang – Peranan dan penglibatan masyarakat perlu diperkasakan dalam meningkatkan perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum, selaras dengan harapan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bagi menjayakan konsep Keluarga Malaysia.

2. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara telah memberikan tumpuan dalam merangka pelan KAMI @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia yang menekankan tiga prinsip asas dalam hubungan antara etnik iaitu FAHAM, HORMAT dan TERIMA.

3. Bagi memantapkan rangka pelan KAMI, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, hari ini hadir ke sesi Maklumbalas Rakyat KAMI @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia di Bentong, Pahang. Program ini berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Bentong.

4. KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia menekankan empat (4) dimensi utama dalam pembentukan sebuah Keluarga Malaysia iaitu:

- i. Karib;
- ii. Aksesibiliti;
- iii. Majmuk; dan
- iv. Inklusiviti

5. Sesi Maklumbalas rakyat ini melibatkan seramai 250 peserta pelbagai kaum, umur dan lapisan masyarakat yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan, Jentera Perpaduan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), Pihak Berkuasa Tempatan, pihak swasta / korporat serta komuniti setempat.
6. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan input secara langsung daripada rakyat agar mereka turut sama terlibat dalam menjayakan program-program yang boleh dilaksanakan di bawah ke-empat-empat dimensi.
7. Turut dilancarkan program Pemerksaan Skwad Uniti RT Cares sebagai inisiatif Kementerian memperluaskan peranan Sukarelawan Skwad Uniti dalam meningkatkan Keselamatan, Kesejahteraan dan Keharmonian masyarakat.
8. Sesi Maklumbalas ini turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB Dato' Sri Hajah Shahaniza Shamsuddin. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim.
9. Sesi pameran berkaitan pelan-pelan yang telah dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam menyokong dan mengukuhkan aspirasi Keluarga Malaysia turut diadakan bagi memberikan pemahaman kepada komuniti setempat.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

14 November 2021

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan  
Negara Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 /  
569  
E-mail: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (105)